



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

## TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI  
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

**SEMPENA**

**BICARA NEGARAWAN EKSKLUSIF:  
TUN ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN**

**15 JULAI 2022 (JUMAAT)  
9.30 PAGI**

**DEWAN TUN RAHAB,  
MEMORIAL TUN ABDUL RAZAK,  
KUALA LUMPUR**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Keluarga Malaysia

Terima kasih kepada Pengacara Majlis.

**SALUTASI (masih draf belum final)**

1. Yang Berbahagia Tan Sri Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin,  
Tokoh Pembicara
2. Yang Berbahagia Datuk Hajah Saraya binti Arbi  
Ketua Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Pelancongan, Seni  
dan Budaya (MOTAC)
3. Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Mohamed Nazir bin Tun Abdul  
Razak,  
Ahli Lembaga Yayasan Tun Razak
4. Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Haji Alimuddin Bin Hj. Mohd Dom,  
Pengerusi Lembaga Penasihat Arkib Negara Malaysia (ANM)
5. Yang Berusaha Encik Jaafar Sidek bin Haji Abdul Rahman,  
Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia
6. Yang Berusaha Prof. Dato' Dr. Hasan bin Mad,  
Moderator Sesi Bicara
7. Barisan Pengurusan Tertinggi MOTAC/Jabatan/Agensi
8. Puan-puan, Tuan-tuan serta hadirin yang dihormati sekalian.
- 9.

Riuh berkicau burung kedidi  
Bersahut-sahutan suara kenari  
Terima kasih sekalung budi  
Sudi menjemput saya ke mari

1. Alhamdulillah bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wa Ta`ala kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama dalam majlis ilmu, Bicara Negarawan Eksklusif: Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein pada pagi yang berbahagia ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada Arkib Negara Malaysia (ANM) di atas penganjuran program Bicara Negarawan Eksklusif: Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein.
3. Siri Bicara Negarawan ini adalah inisiatif Arkib dalam menyebarluaskan maklumat-maklumat berkaitan dengan sumbangan dan jasa tokoh-tokoh Perdana Menteri Malaysia kepada khalayak umum dan seterusnya menghidupkan kembali semangat cintakan negara dalam kalangan masyarakat. Majlis ilmu pada kali ini bertujuan untuk mengenang dan memperingati 100 tahun tarikh kelahiran seorang lagi Tokoh Perdana Menteri yang berjiwa rakyat iaitu Allahyarham Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein.
4. Pada tanggal 11 Mac 1922, lahirlah seorang insan yang sangat istimewa dan berjasa kepada pembangunan negara iaitu Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein. Anak kepada pasangan Dato' Hussein bin Mohd Taib dan

Puan Teh Fatimah binti Daud ini telah dididik sejak kecil untuk merasai keperitan hidup di kampung, yang banyak membentuk dirinya menjadi seorang yang bercita-cita tinggi untuk mengubah nasib orang-orang Melayu. Semangat dan nilai inilah, yang membawa kejayaan beliau, menjadi Perdana Menteri Malaysia yang kedua dan digelar sebagai Bapa Pembangunan Negara.

Puan-puan, Tuan-tuan serta hadirin yang dihormati sekalian.

5. Sejarah kehidupan awal Tun Abdul Razak sebelum diangkat sebagai seorang pemimpin negara harus menjadi contoh kepada seluruh Keluarga Malaysia kerana, meskipun dilahirkan dalam keluarga bangsawan; seperti rakyat biasa - beliau juga, melalui cabaran dan kesukaran dalam liku-liku kehidupan. Demi mendapatkan ilmu, beliau berulang-alik berjalan dengan berkaki ayam sejauh empat kilometer ke Sekolah Melayu, Kampung Jambu, Pekan, Pahang bersama rakan-rakannya dari darjah satu sehingga darjah empat. Kegigihan itu membawa beliau ke Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) di Perak sehingga berjaya mendapat biasiswa untuk menyambung pelajarannya di Kolej Raffles, Singapura pada usia 19 tahun. Namun, pengajiannya di kolej tersebut terpaksa dihentikan ekoran pendaratan tentera Jepun di Tanah Melayu pada tahun 1941 yang menandakan bermulanya perang besar di rantau Asia Tenggara.

6. Apabila tentera Jepun menyerah kalah dan mengembalikan kuasa pentadbiran Tanah Melayu kepada pihak British pada September 1945, Tun Abdul Razak telah mendapat tawaran untuk mempelajari bidang undang-undang di Lincoln's Inn, London pada tahun 1947. Beliau berjaya

menamatkan pengajiannya dan memperoleh sijil pengiktirafan sebagai seorang peguam pada tahun 1950. Sekembalinya ke tanah air, beliau telah melaporkan diri di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan dilantik sebagai Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.

7. Tun Abdul Razak mula bergiat aktif di arena politik apabila beliau menyertai Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dan telah dilantik sebagai Timbalan Presiden UMNO apabila Tunku Abdul Rahman menjadi Presiden UMNO menggantikan Dato' Onn Jaafar pada tahun 1951. Malah, penglibatan beliau secara langsung dalam Parti Perikatan bersama-sama dengan pemimpin-pemimpin yang lain dalam memperjuangkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu berjaya menjadikan parti ini memenangi majoriti besar dalam Pilihan Raya Persekutuan, sekaligus membentuk sebuah kerajaan sendiri. Tun Abdul Razak telah dilantik menjadi Menteri Pelajaran dan merupakan anggota kabinet yang termuda kerana umurnya baru 33 tahun ketika itu.

Puan-puan, tuan-tuan serta hadirin yang dihormati sekalian.

8. Tun Abdul Razak menggunakan portfolio beliau sebagai Menteri Pelajaran dalam membela nasib orang-orang Melayu terutamanya mereka yang berada di kawasan luar bandar, dengan mengubah sistem pendidikan negara menerusi Penyata Razak, sehingga berjaya merapatkan jurang ekonomi antara kaum apabila Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan ketika beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia Kedua. Sesungguhnya Tun Abdul Razak adalah seorang pemimpin yang sangat komited dengan

perjuangan untuk memajukan bangsa dan membebaskan rakyat daripada belenggu kemiskinan.

9. Pelantikan Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia pada 22 September 1970 dipersiapkan dengan pengalaman lebih daripada 20 tahun sebagai ahli UMNO, 19 tahun selaku Timbalan Presiden UMNO, 15 tahun menjadi Menteri di pelbagai Kementerian dan 21 bulan sebagai Pengarah Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ketika negara berdepan darurat. Di sebalik perwatakannya yang lemah lembut dan pendiam, beliau merupakan seorang pemimpin yang gigih yang tidak kenal erti kegagalan dalam usaha-usaha beliau untuk mengubah corak kehidupan rakyat terutamanya yang tinggal di luar bandar.

10. Namun, pada tanggal 14 Januari 1976, Malaysia dikejutkan dengan berita pemergian Tun Abdul Razak ketika mendapatkan rawatan di London kerana penyakit leukemia yang dihidapinya. Jenazah beliau dibawa pulang ke tanah air dan dikebumikan di Makam Pahlawan, Masjid Negara, Kuala Lumpur. Sesungguhnya, Tun Abdul Razak adalah seorang pemimpin yang memiliki semangat keusahawanan dan daya inovasi yang tinggi serta cekap dalam menguruskan pentadbiran negara yang menjadi teras kepada perubahan landskap ekonomi negara selepas merdeka serta mampu membina satu bangsa yang bersatu padu dari sudut ekonomi, sosial mahupun politik. Tun Abdul Razak telah mencurahkan tenaga dan seluruh hidupnya kepada perjuangan menegakkan kedaulatan negara, kesejahteraan rakyat dan keamanan. Jasanya tidak ternilai dan budinya terhadap negara tidak terbalas.

Puan-puan, Tuan-tuan serta hadirin yang dihormati sekalian.

11. Pada hari ini, kita semua amat bertuah kerana dapat berkumpul dalam sebuah majlis yang dianjurkan secara eksklusif di Dewan Tun Rahah, Memorial Tun Abdul Razak yang akan membicarakan mengenai ketokohan dan kepimpinan Tun Abdul Razak. Apatah lagi, perkongsian akan disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Kamarul Ariffin Bin Mohamed Yassin yang amat rapat dengan Allahyarham Tun Abdul Razak. Saya yakin dan percaya kita akan beroleh manfaat yang besar daripada perkongsian ini nanti.

12. Saya menyambut baik usaha Arkib Negara dalam menganjurkan majlis-majlis ilmu seumpama ini sebagai salah satu platform untuk memupuk semangat perpaduan dalam masyarakat Keluarga Malaysia. Ia bertepatan dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang diasaskan oleh Tun Abdul Razak pada tahun 1971 yang menjadi garis panduan dalam membentuk serta mewujudkan satu bangsa yang bersatu-padu serta mengekalkan identiti negara di mata dunia. Hal ini juga selaras dengan penggubalan Dasar Kebudayaan Negara 2021 (DAKEN) yang menjadi entiti penting dalam konsep Keluarga Malaysia bagi terus memperkasakan perpaduan dan budaya negara. Dasar ini mestilah difahami, dihargai dan diamalkan oleh setiap rakyat Malaysia.

13. Akhir kata, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih serta syabas kepada Arkib Negara Malaysia kerana menjayakan majlis seumpama ini. Sesungguhnya kejayaan yang dikehendaki oleh Malaysia pada masa kini adalah hasil daripada usaha para pemimpin tanah air dalam memastikan pembangunan dan

kemajuan ekonomi Malaysia berada sebaris dengan negara-negara yang maju. Golongan muda seharusnya mencontohi semangat perjuangan tokoh-tokoh negarawan ini dalam memastikan Malaysia terus berjaya mengikut arus peredaran masa.

14. Dengan lafaz **Bismillahirrahmaanirrahiim**, saya dengan sukacitanya merasmikan Bicara Negarawan Eksklusif: Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah wassalaamu`alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.